

B592

MAHATHIR-MARUAH

1982

LUBOK MERBAU (KEDAH) 26 FEB. (BERNAMA) — PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KUNCI SUPAYA MALAYSIA DAN BANGSA-NYA DIHORMATI DUNIA IALAH MEMBUAT SENDIRI SEBAHAGIAN BESAR KEPERLUANNYA, KALAU TIDAKPUN SEMUA.

MALAYSIA DAN BANGSANYA MEMANG MEMPUNYAI KEKAYAAN DAN KEUPAYAAN UNTUK BERBUAT DEMIKIAN TERMASUK MEMBUAT KERETANYA SENDIRI WALAUPUN KEPANDAIAAN UNTUK ITU PERLU DIPELAJARI DULU, KATA BELIAU.

BELIAU MAHUKAN RAKYAT BERTANYAKAN DIRI SENDIRI SAMA ADA MEREKA SANGGUP ATAU TIDAK MENJADIKAN NEGARA INI KUKUH DAN KUAT KERANA KERAJAAN SENTIASA BERSEDIA MEMAINKAN PERANAN DI PIHAKNYA

APABILA RAKYAT MENUNJUKKAN KESUNGGUHAN.

PERDANA MENTERI BERUCAP DALAM PERHIMPUNAN BESAR-BESARAN DI PERKARANGAN SEKOLAH MENENGAH LUBOK MERBAU, SEBUAH RANCANGAN FELT 83.2KM DARI ALOR SETAR HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN HASRATNYA UNTUK MELIHAT MALAYSIA DAN BANGSANYA MENJADI KUKUH DAN KUAT 'BUKAN UNTUK MENEPUK DADA' TETAPI UNTUK MARUAH BANGSA DAN AGAMA SUPAYA TIDAK ADA PIHAK YANG BOLEH MEMPERHINAKAN NEGARA INI.

—BERSAMBUNG 1740/HM

B593

MAHATHIR-MARUAH 2 LUBOK MERBAU (KEDAH)

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU NEGARA INI DAN BANGSANYA SERTA AGAMA MEREKA DIPANDANG HINA OLEH PIHAK LAIN, BELIAU TIDAK INGIN ORANG MALAYSIA DISINDIR SEBAGAI +ADA HARTA, TIDAK ADA HERTI (ERTI)+. KOMENNYA DISAMBUT DENGAN GELAK KETAWA OLEH PARA HADIRIN.

KATA PERDANA MENTERI, UNTUK MENJADI NEGARA KUKUH SERTA KUAT, BANGSA MALAYSIA TERUTAMA GOLONGAN MUDA MESTI SANGGUP BEKERJA KUAT DAN TIDAK MEMILIH KERJA.

RAKYAT MALAYSIA MESTI SANGGUP BEKERJA DI MANA SAHAJA ADA KERJA SEPERTI JURUTERA—JURUTERA JEPUN YANG BERTUGAS SIANG DAN MALAM MENJAYAKAN PROJEK KILANG SIMEN DI LANGKAWI —TERPISAH 64,000 KM DARI TOKYO, KATANYA.

DIDORONG OLEH AZAMNYA UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SERTA BANGSANYA KUAT DAN KUKUH, KERAJAAN SANGGUP MELAKSANAKAN BERBAGAI RANCANGAN DEMI KEBAIKAN TETAPI AZAM INI MESTI DIBALAS OLEH KESUNGGUHAN DI PIHAK RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN PARA PENEROKA FELDA DI SITU SUPAYA MENGINSAFI BETAPA BERTUAHNYA MEREKA MEMANDANGK. ADA 10,000 ORANG LAGI YANG MENUNGGU UNTUK MENJADI PENEROKA.

—BERSAMBUNG 1753/HM

B595

MAHATHIR-MARUAH 3 LUBOK MERBAU (KEDAH)

SEBAGAI CARA PARA PENEROKA MENUNJUKKAN RASA BERSYUKUR DAN BER-TERIMA KASIH ATAS NIKMAT HIDUP YANG LEBIH BAIK, MEREKA HARUS MENUNJUKKAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MENGELUARKAN SEBERAPA BANYAK KEKAYAAN DARI LADANG MEREKA, KATA PERDANA MENTERI.

HANYA DENGAN CARA DEMIKIAN, RAKYAT MALAYSIA YANG MASIH LAGI TIDAK BERNASIB BAIK SEPERTI MANA PENEROKA FELDA DAPAT TURUT SAMA MERASAKAN FAEDAH DARIPADA PEMBANGUNAN.

PURATA PARA PENEROKA FELDA DI LUBOK MERBAU BERPENDAPAT HINGGA \$500 SEBULAN KETIKA HARGA BAHAN ITU MENGALAMI KEMELESETAN DAN DI MASA-MASA HARGANYA BAIK, ADAKALANYA MEREKA BEROLEH HINGGA \$2,000 SEBULAN.

FELDA KINI IALAH PEMUNYA LADANG TERBESAR DI DUNIA IAITU LEBIH 400,000 HEKTAR DAN INI IALAH EMPAT KALI LUASNYA DARIPADA LADANG SWASTA YANG TERBESAR.

SELEPAS PERJUMPAAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENUNAIKAN SEMBAYANG JUMAAT BERSAMA PARA PENEROKA. BELIAU DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN DAN PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA KE SINGAPURA. TAN SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN, YANG JUGA AHLI PARLIMEN PADANG TERAP.

--BERNAMA 1800/HM